

28 MAC 2018

## Penjawat awam kaki lalok

38

### *SETEMPAT*

#### **Penjawat awam kaki lalok**

**TANAH MERAH** - Penjawat awam berusia 29 tahun antara yang ditahan dalam operasi Perdana Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), di sini, semalam.

Pemuda berkenaan ditahan ketika bertugas di pejabatnya selepas disahkan positif dadah.

Ketua Cawangan Penguatkuasa dan Keselamatan AADK Tanah Merah, Basri Mansor berkata, operasi berkenaan turut dijalankan di sekitar Padang Siam, Lubuk Agor, Kemahang, Bukit Panau, bandar Tanah Merah dan sekitar Bukit Gading.

"Dalam operasi sekitar jam 8 pagi kemarin sehingga semalam, kita menahan 12 penagih termasuk penjawat awam berkenan dan salah seorangnya yang juga merupakan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang turut melanggar syarat dan tidak hadir melaporkan diri di Balai Polis.

"OKP yang melanggar syarat itu di tahan di bawah seksyen 6(2)(c) Akta Penagihan Dadah (APD) 1983 dan jika sabit kesalahan maksimum tiga tahun penjara dan tiga sebatan manakala 11 lagi

ditahan di bawah seksyen 3(1) APD (Rawatan dan Pemulihan )1983," katanya.

Basri turut menasihatkan supaya OKP yang masih belum melaporkan diri sama ada ke balai polis terdekat atau AADK daerah supaya datang lapor diri.

"Ini bagi mengelakkan mereka ditahan dan jika sabit kesalahan dan ditahan penjara dan hukuman rotan menanti.

"Kita harap kerjasama semua pihak dalam membantu memberi maklumat tentang pengedaran dadah dan diharap usaha ini dapat membanteras gejala penyalahgunaan dadah di daerah ini dan negeri Kelantan," katanya



Antara yang ditahan dalam operasi dijalankan AADK Tanah Merah.